

Enam peniaga luar bandar gagal patuhi akta digariskan kerajaan

2020-06-08T13:31:51+08:00

oleh Yusop Teppo



PERIKSA: Mohamad melihat tanda harga yang terdapat dalam premis peniaga di kawasan luar bandar.

SANDAKAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sandakan mengesan enam kes gagal mematuhi tiga akta yang digariskan oleh kerajaan dalam pemeriksaan premis-premis di kawasan luar bandar.

Ketua Cawangan KPDNHEP Sandakan Mohamad Hashim berkata, pasukan pegawai penguatkuasa KPDNHEP Sandakan telah mempertingkatkan pemeriksaan di kawasan pedalaman untuk memastikan bekalan barang kawalan berjadual dan barang perlu yang lain adalah mencukupi.

"Pemeriksaan itu juga bagi memastikan bekalan barang kawalan itu mudah diperolehi," katanya selepas mengetuai pemeriksaan itu.

Beliau berkata selain itu juga pemeriksaan dijalankan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan iaitu melakukan pencatutan dimana mengambil keuntungan yang tidak munasabah serta menjual melebihi harga diwartakan ke atas barangan kawalan berjadual.

"...dan juga harga terkawal seperti minyak masak, tepung gandum, gula, gas petroleum cecair (LPG), minyak petrol RON95, diesel dan pelitup muka," katanya.

Mohamad berkata pemeriksaan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan pemeriksaan barang keperluan dijalankan di sekitar kawasan luar bandar membabitkan empat lokasi iaitu pekan Kota Kinabatangan, Sukau, Beluran dan Sapi Nangoh telah dilakukan selama dua hari bermula pada 6 Jun lepas.

Hasil pemeriksaan selama dua hari itu, pihaknya mendapati bekalan barangan keperluan adalah mencukupi dan tiada berlaku pembelian panik oleh pengguna setempat serta SOP pematuhan (PKPB) turut dipatuhi oleh premis perniagaan.

"Dalam masa sama, hasil pemeriksaan juga telah mengesan empat kes kesalahan dilakukan oleh para peniaga dibawah Peraturan 3(1) Perintah Kawalan Harga (PHOPR 1993) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melibatkan empat premis runcit kerana gagal mempamerkan tanda harga pada gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak yang dijual secara runcit.

"Pemilik premis terbabit masing-masing telah dikompaun sebanyak RM1,000," katanya.

Beliau berkata pihaknya turut mengesan satu kes dibawah Peraturan 13(2) Peraturan Kawalan Bekalan 1974 Akta kawalan Bekalan 1961 melibatkan sebuah premis runcit kerana gagal menyelenggara buku stok bagi barang kawalan berjadual, kertas siasatan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pihaknya akan dibuka kes berkenaan untuk dijalankan siasatan berhubung kegagalan peniaga gagal menyelenggara buku stok barang kawalan berjadual.

Mohamad berkata satu lagi kes yang diambil tindakan terhadap peniaga dikesan oleh pihaknya adalah dibawah Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972 kerana gagal menentusahkan alat timbang yang digunakan untuk tujuan perdagangan.

"Peniaga terbabit akan dikompaun mengikut garis panduan pengkompaunan yang ditetapkan," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/08/enam-peniaga-luar-bandar-gagal-patuhi-akta-digariskan-kerajaan>